

# Siswa terhutang budi

ALOR STAR, Rabu — Siswa diingatkan supaya lebih bertanggungjawab dan sedar bahawa perbelanjaan bagi membiayai mereka menuntut ilmu di universiti adalah wang rakyat yang dikutip menerusi cukai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka juga harus berterima kasih kerana terhutang budi kepada rakyat yang membiayai pelajaran mereka di universiti.

Katany...  
siti yang dikenakan ke atas mereka sebenarnya tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan di universiti menyediakan kemudahan pembelajaran, termasuk pensyarah dan kelengkapan belajar.

"Menyedari perkara itu, mahasiswa perlu belajar bersungguh-sungguh dan tidak membazir wang yang dicurahkan untuk kepentingan mereka," katanya di majlis makan malam Program Usahawan

12 DEC 1981  
dan Masyarakat (Prisma), Majlis Penghuni Desasiswa Cahaya, Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, malam ini.

Mengikuti program berkenaan majlis itu mengadakan projek anak angkat selama seminggu dengan tinggal bersama peniaga Pekan Rabu di sini, pusat perniagaan orang Melayu terkenal di Kedah.

Hadir sama di majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.